



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
16 OKTOBER 2025



Akhbar	Kosmo!
Tarikh	16 Oktober 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	9

900,000 pekerja dapat manfaat AKF

KUALA LUMPUR – Seramai 900,000 pekerja di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (AKF) di bawah inisiatif Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sejak diperkenalkan pada Januari 2023.

Melalui AKF, pekerja boleh memohon perubahan waktu, hari atau lokasi kerja berdasarkan Seksyen 60P dan 60Q Akta Kerja 1955.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, hasil daripada inisiatif itu, majikan memaklumkan terdapat peningkatan produktiviti, penglibatan pekerja yang lebih kukuh serta kadar keluar masuk tenaga kerja yang lebih rendah.

Katanya, inisiatif berkenaan sekali gus membuktikan bahawa produktiviti meningkat apabila pekerja diberikan kepercayaan dan sokongan.

“Apabila kita mewujudkan tempat kerja yang ambil peduli di mana fleksibiliti dan kesejahteraan dihargai produktiviti akan meningkat. Melalui inisiatif seperti Life At Work dan

AKF oleh TalentCorp, kita sedang membina ekonomi yang membolehkan setiap rakyat Malaysia menyumbang secara bermakna,” katanya pada Persidangan Anugerah Life Of Work 2025 (Lawa 2025) yang turut dihadiri Pengerusi TalentCorp, Wong Shu Qi di sini semalam.

Lawa 2025 merupakan sebuah platform nasional yang menghimpunkan pemimpin industri, majikan dan pembuat dasar untuk memacu fasa seterusnya transformasi tempat kerja yang progresif dan berpusat kepada insan di Malaysia.

Dengan tema ‘Driving the Future of Work: Sustainable, Inclusive & Human-Centred’, persidangan ini menzahirkan komitmen Malaysia untuk memperkukuh amalan kerja yang saksama dan mesra penjagaan dalam agenda ekonomi negara.

Sementara itu, Shu Qi menyifatkan Persidangan Lawa 2025 sebagai platform kolaboratif antara kerajaan, majikan dan tenaga kerja bagi menterjemahkan dasar tenaga kerja nasional kepada tindakan sebenar di tempat kerja.



STEVEN SIM (kanan) bercakap dalam sesi bual bicara pada Majlis Persidangan Anugerah Kehidupan di Tempat Kerja 2025 di Kuala Lumpur semalam.